



BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel. : 03-8883 3030 / 2595
Faks : 03-8888 8784 (Aras 7)
03-8888 8782 (Aras 4)

Rujukan : (4) dlm. KKM.400-10/2/199

Tarikh : 2 Ogos 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**DOKUMEN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANGAN
IMPORT KERAJAAN OLEH MTO BAGI SEBUT HARGA BIL. 13/2017**

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Syarikat Tuan/Puan selaku Wakil Penghantaran Kerajaan (***Multimodal Transport Operator, MTO***) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (Kod bidang **221709**), dengan ini adalah dipelawa untuk menyertai **Sebut Harga Bil. 13/2017**.

3. Bersama-sama ini disertakan melalui e-mel alamat pautan di Portal Rasmi Kementerian Kesihatan mengandungi Dokumen Pelawaan Sebut Harga berkenaan yang boleh dimuat turun oleh pihak Tuan/Puan.

4. Tarikh tutup sebut harga berkenaan ialah pada **10/08/2017 jam 12.00 tengah hari**. Pihak Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan tawaran yang lengkap dengan menunjukkan semua butiran di bawah caj-caj lain serta menyatakan kadar butiran-butiran tersebut di dalam borang yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARRAWATI BINTI MOHAMED NOH)
Bahagian Perolehan dan Penswastaan
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



MS ISO 9001 : 2015
No. SIRIM AP 5156

LAMPIRAN A2 (Pin. 1/98)

NO. SEBUT HARGA:
13/2017

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

**PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BAGI PEMBEKALAN PIPERACILLIN 4G DAN
TAZOBACTAM 500 MG INJECTION**

Kepada: Syarikat MTO yang berdaftar dalam kod bidang **221709 : Pengangkutan Multimodal Transport Operator (MTO).**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

No.Telefon : 03- 8883 3077/ 3074 / 2966

No. Faks : 03-8888 8784

Tarikh : **3/08/2017**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan perkhidmatan penghantaran yang disertakan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-
 - 1.1. Syarat penyerahan : **Serahan dalam waktu pejabat sahaja.**
 - 1.2. Tarikh penyerahan / tempoh penyerahan perkhidmatan:

Seperti di **DOKUMEN B**

Melalui FOB UDARA

- 1.3. Arahan pengirim:.....

- Sila nyatakan No. Rujukan Sebut Harga MTO berkenaan

1.4. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri
dan bertanda: No. Sebut Harga: **13/2017**

1.5. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti surat tawaran
yang berkaitan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00**
tengahari: **10/08/2017**

1.6. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.



.....
Tandatangan

FARRAWATI BINTI MOHAMED NOH

.....
Nama Pegawai

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (D) 2

.....
Jawatan

2/8/2017

.....
Tarikh

Perihal Perkhidmatan Barangan Dan Syarat-Syarat Khas

A. Untuk Diisikan Oleh Agensi

1. Nama barang dan deskripsinya: **KKM-108/2017/F(U)**
**PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BAGI PEMBEKALAN
PIPERACILLIN 4G DAN TAZOBACTAM 500 MG INJECTION.**
2. Kuantiti Barangan: Seperti di **DOKUMEN B**
3. Butiran mengenai barangan dan maklumat berhubung barangan yang akan diimport: Seperti di **DOKUMEN B**.
4. Kaedah perolehan (FOB/FCA/EXW): **FOB** .
5. Kaedah pengangkutan utama (Laut/Udara/Darat): **UDARA.**
6. Pengkalan /Tempat Memuat: **HYDERABAD AIRPORT, INDIA**
7. Pengkalan Punggal: **LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA), SEPANG, MALAYSIA.**
8. Destinasi Terakhir:
HEALOL PHARMACEUTICAL SDN. BHD. KUALA LUMPUR.
9. Jangkaan Kesediaan Barangan: Seperti di **DOKUMEN B**
10. Tarikh atau tempoh barangan perlu berada di destinasi terakhir:
Seperti di **DOKUMEN B**
11. Arahan Khas : **SENSITIF DAN MEMERLUKAN PENJAGAAN RAPI**